




No. Siri :



MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

DOKUMEN SEBUT HARGA

**NO. SEBUT HARGA :
MDTM/SH/BTMPR/01/2021**

SEBUTHARGA BAGI KERJA-KERJA PEMBEKALAN KOMPUTER DAN PENCETAK DI MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM.

TARIKH TUTUP :

06 JULAI 2021 (SELASA) JAM 12.00 TENGAHARI

**Penting : Sila masukkan ke dalam sampul surat
berukuran 230 mm x 320 mm yang
tercatat No. Sebutharga berserta profail syarikat**

SEBUTHARGA BAGI KERJA-KERJA PEMBEKALAN KOMPUTER DAN PENCETAK DI MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM.

NO. SEBUT HARGA : MDTM/SH/BTMPR/01/2021

KANDUNGAN

| SEKSYEN | BUTIRAN |
|---------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| A | Senarai Semakan |
| B | Lampiran A <ul style="list-style-type: none">i. Arahan Kepada Penyebut Harga.ii. Syarat-Syarat Sebut Harga |
| C | Lampiran B <ul style="list-style-type: none">i. Borang Sebut Hargaii. Jadual Spesifikasiiii. Jadual Hargaiv. Skala Ukuranv. Pelan Lokasivi. |
| D | Lampiran C <ul style="list-style-type: none">i. Borang Maklumat Am Penyebut Hargaii. Senarai Kerja Dalam Tanganiii. Rekod Pengalaman Kerja |
| E | Lampiran D <ul style="list-style-type: none">i. Pematuhan Kepada Spesifikasi Dan Syarat-Syarat Sebut Hargaii. Surat Akuan Pembida |

SENARAI SEMAKAN

(BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA)

Sila tandakan / bagi dokumen – dokumen yang disertakan

| Bil. | Perkara / Dokumen | Untuk ditanda oleh penyebut harga | Untuk ditanda oleh Jawatankuasa pembuka Sebut Harga |
|-------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------|
| 1. | Borang Sebutharga Lampiran B (Wajib) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 2. | Jadual Spesifikasi BQ (Wajib) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 3. | Borang Maklumat Am Penyebut Harga Lampiran C1 (Wajib) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 4. | Senarai Kerja Dalam Tangan Lampiran C2 (Wajib) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 5. | Rekod Pengalaman Kerja Dan Nilai Kontrak Dalam Tempoh 2 Tahun Lepas Lampiran C3 (Wajib) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 6. | Pematuhan Kepada Spesifikasi Dan Syarat- Syarat Sebut Harga (Wajib) Lampiran D | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 7. | Surat Akuan Pembida (Wajib) Lampiran F | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 8. | Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia MOF (Wajib) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 9. | Salinan Sijil Pendaftaran Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia SSM (Wajib) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |

| | | | |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|
| 10. | Penyata Akaun Bank 3 Bulan Terkini (Wajib) | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| 11. | Katalog (Jika Ada) | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| 12. | Gambar Premis (Jika Ada) | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| 13. | Lain-Lain Dokumen Berkaitan (Jika Ada) | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| PENGESAHAN OLEH SYARIKAT | | UNTUK KEGUNAAN JABATAN | |
| <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan</p> <p>Nama</p> <p>Jawatan</p> <p>Tarikh</p> | | <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda (/) kecuali perkara bertanda X (jika ada)</p> <p>Tandatangan</p> <p>Nama</p> <p>Jawatan</p> <p>Tarikh</p> <p>Tandatangan</p> <p>Nama</p> <p>Jawatan</p> <p>Tarikh</p> | |

LAMPIRAN A

- **ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA
(LAMPIRAN A1)**
- **SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA
(LAMPIRAN A2)**

ARAHAN KEPADA PEMBEKAL

1. Majlis Daerah Tanjong Malim berhak menolak dan menggugurkan mana-mana pembekal yang didapati :-
 - Tulisan atau angka-angka yang mengelirukan
 - Sukar dibaca dan difahami
 - Borang Sebut Harga yang tidak lengkap
 - Tidak mengikut atau melanggar peraturan Sebutharga (tidak mematuhi syarat-syarat membuat Sebutharga yang dinyatakan dalam Borang Sebutharga MDTM
 - Maklumat atau jumlah wang ringgit yang dipertikaikan
 - Tidak menulis nama,alamat dan maklumat pembekal
 - Tulisan dalam pensil
2. Cecair pemadam tidak dibenarkan untuk membuat perubahan pada harga / kadar harga. Sebarang perubahan tersebut hendaklah dibuat dengan memotong yang asal dan menulis yang baru di atasnya dan tandatangan ringkas pembetulan tersebut.
3. Pembekal hendaklah membaca dan memahami keseluruhan arahan-arahan sebelum mengisi kadar harga.
4. Pembekal hendaklah meletakkan harga / kadar harga dalam ruang yang ditetapkan sahaja. Tulisan hendaklah jelas, mudah dibaca dan difahami.
5. Alamat yang ditulis perlulah alamat yang daftar atau telah diubah dan pihak pendaftar telah dimaklumkan berkenaannya.
6. Sebarang pertanyaan atau masalah hendaklah menghubungi :-

Bahagian Teknologi Maklumat, Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM)

No. Telefon : 05-4563437 atau 05-4563438

7. Penyerahan dokumen Sebutarga berupa sampul surat berlakri mengandungi borang Sebutarga dan bertulis nombor fail dan bilangan Sebutarga di luar sebelah kiri sampul surat dan sekiranya dimasukkan sendiri ke dalam peti Sebutarga atau melalui pos hendaklah di alamatkan kepada :-

Yang Dipertua

Majlis Daerah Tanjong Malim

Peti Surat 59

35900 Tanjong Malim

Perak Darul Ridzuan

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

1. Keadaan Barang

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. Harga

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan

3. Sebutharga Sebahagian

Sebutharga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. Barang Setara

Sebutharga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. Persetujuan

- (i) MDTM tidak terikat untuk setuju terima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga, dan
- (ii) Setiap butiran akan dipertimbangkan sebagai satu sebutharga yang berasingan

6. Pemeriksaan

- (i) MDTM sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut, dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki

7. Perakuan Menyatakan Spesifikasi Telah Dipatuhi

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini

8. Penolakan

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebutharga boleh ditolak.
- (ii) Apabila diminta, penyebutharga hendaklah menyebabkan barang yang hendak ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaan sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada MDTM segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu, dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini, tidaklah memudaratkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. Pengiklanan

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Yang Dipertua, MDTM terlebih dahulu.

10. Pengiklanan

Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya

11. Insurans

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebutharga.

12. Sub-Sewa Dan Menyerahkan Hak Kerja

Pembekal tidak dibenarkan mengsub-sewakan kerja kepada mana-mana Pembekal. Pembekal tidak boleh menyerahkan hak apa-apa faedah di bawah Pesanan Kerajaan ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan daripada Pegawai Pemeriksa.

13. Penolakan Bahan, Barang Dan Mutu Hasil Kerja Oleh Pegawai Pemeriksa

13.1 Pegawai Pemeriksa atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Pembekal hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Pemeriksa, memberi kepadanya baucar-baucar dan / atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Pembekal sendiri.

13.2 Pembekal hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.

14. Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan
15. Tawaran Sebutharga yang dimasukkan ini juga dianggap telah mengambil kira segala kesulitan, pembiayaan atau risiko yang mungkin dtanggung oleh Pembekal kerana mematuhi atau ketegasan pihak Majlis Daerah Tanjong Malim menguatkuasakan peraturan-peraturan, tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam melaksanakan kerja-kerja yang ditawarkan di dalam Dokumen Sebutharga ini.
16. Segala pertanyaan dan kemusykilan hendaklah dikemukakan ke pejabat,

MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

PETI SURAT 59,

35900 TANJONG MALIM,

PERAK DARUL RIDZUAN

Atau,

Pegawai dirujuk :

Bahagian Teknologi Maklumat,

Majlis Daerah Tanjong Malim.

LAMPIRAN B

- **BORANG SEBUT HARGA (LAMPIRAN B)**
- **JADUAL SPESIFIKASI**

BORANG SEBUT HARGA
No. Sebutharga : MDTM/SH/BTMPR/01/2021

Yang Dipertua,
 Majlis Daerah Tanjong Malim,
 Peti Surat 59,
 35900 Tanjong Malim.

Tuan,

Sebut Harga untuk : **SEBUTHARGA BAGI KERJA-KERJA PEMBEKALAN KOMPUTER DAN
 PENCETAK DI MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM.**

Setelah mengkaji dan meneliti syarat-syarat Sebutharga, Penentuan Kerja, Ringkasan Sebutharga, Pelan-pelan dan isi Kandungan Dokumen Sebutharga, adalah saya yang bertandatangan di bawah menawarkan untuk melaksanakan kerja-kerja di atas mengikut ketetapan di dalam syarat-syarat Sebutharga, Penentu Kerja, Ringkasan Sebutharga, Pelan-pelan dan isi Kandungan Dokumen Sebutharga dengan harga :

RM :

Dengan perkataan :

2. Saya faham sekiranya sebutharga saya diterima, kerja-kerja hendaklah dimulakan dalam masa 7 hari dari tarikh surat tawaran kerja yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa.

3. Saya setuju untuk berpegang pada Sebutharga ini dan tidak akan menarik balik Sebutharga saya dalam masa 90 hari dari tarikh Sebutharga ditutup.

4. Sata juga bersetuju, Naskah Sebutharga ini bersama Surat Penawaran Tawaran tuan akan dijadikan satu Perjanjian Kontrak yang sah disisi Undang-undang Malaysia di anata Majlis Daerah Tanjong Malim dengan saya kecuali pihak tuan bercadang untuk melaksanakan perjanjian rasmi yang lain atau yang baru.

5. Saya faham, tuan tidak terikat untuk menerima Tawaran Sebutharga yang terendah atau lain-lain tawaran yang diterima.

.....

KONTRAKTOR

SAKSI

Nama Penuh : Nama Penuh :

Jawatan : Jawatan :

Alamat : Alamat :

.....

Tarikh : Tarikh :

Telefon : Telefon :

Tandatangan : Tandatangan :

Cop Syarikat : Cop Syarikat :

Ringgit Malaysia :

.....
.....

Tempoh Siap : **4 Bulan**

Catitan :

- i. Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja yang tidak termasuk dalam Ringkasan Sebutharga ini, harga butiran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam salah satu butiran lain dalam Ringkasan Sebutharga.
- ii. Kuantiti dan amaun sebenar akan dinilai semula selepas kerja siap sepenuhnya dan setelah dibuat pengukuran dan penilaian semula.
- iii. Menyertakan laporan kemajuan projek dalam bentuk A4, sebelum, semasa dan selepas siap kerja berserta gambar.

Tarikh :

.....
Tandatangan Kontraktor & Cop

LAMPIRAN C

- **BORANG MAKLUMAT AM PENYEBUT HARGA (LAMPIRAN C1)**
- **SENARAI KERJA DALAM TANGAN (LAMPIRAN C2)**
- **REKOD PENGALAMAN KERJA (LAMPIRAN C3)**

BORANG MAKLUMAT AM PENYEBUT HARGA

Nama Syarikat :

Alamat Berdaftar :

 Poskod

No. Telefon : No. Faks :

Kod Bidang Kementerian Kewangan Malaysia :

Taraf : *Bumiputera / Bukan Bumiputera

Tempoh Sah Taraf Bumiputera : hingga :

Senarai Pemilik / Ahli Lembaga Pengarah / Kongsi :

| BIL | NAMA | JAWATAN |
|-----|------|---------|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

Bersama-sama ini disertakan satu salinan Sijil Kementerian Kewangan untuk rujukan dan simpanan tuan.

..... Tarikh :
 (tandatangan)

Nama Penuh :

No. K/P :-.....-.....

Atas Sifat : (Materi atau Cop Kontraktor)

*Potong yang mana tidak berkenaan.

REKOD PENGALAMAN KERJA DAN NILAI KONTRAK DALAM TEMPOH 2 TAHUN LEPAS

| Bil. | * Butiran Kerja Dan SKop Kerja | Nilai Kerja / Kontrak | ** Tempoh Kontrak | Tarikh Milik Tapak | Tempoh Siap | | Nama Dan Alamat Pegawai Penguasa |
|------|--------------------------------|-----------------------|-------------------|--------------------|-------------|--------|----------------------------------|
| | | | | | Kontrak | Semasa | |
| | | | | | | | |

* Surat Tawaran dan pengesahan siap kerja hendaklah disertakan bagi setiap butiran kerja yang disenaraikan.

** Tempoh Kontrak hendaklah termasuk Lanjutan Masa yang dibenarkan.

Sila gunakan lampiran yang berasingan sekiranya lampiran ini tidak mencukupi.

LAMPIRAN D

- **PEMATUHAN KEPADA SPESIFIKASI DAN SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA (LAMPIRAN D)**
- **SURAT AKUAN PEMBIDA**

PEMATUHAN KEPADA SPESIFIKASI DAN SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

Bahawasanya saya yang bertandatangan di bawah yang mewakili syarikat

..... yang beralamat

.....

..... dengan ini berjanji akan mematuhi syarat-syarat sebut harga dan melaksanakan kerja-kerja mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pegawai penguasa atau wakilnya berdasarkan senarai kuantiti dan lukisan kerja yang menjadi sebahagian daripada perjanjian kontrak.

Pihak kami berjanji akan melaksanakan dan menyiapkan kerja mengikut tarikh dan tempoh yang telah ditetapkan di dalam Inden Kerja dan tidak akan menyewakan mana-mana bahagian kerja.

Pihak kami juga mengaku dan faham akan kehendak-kehendak dan syarat-syarat yang termaktub di dalam dokumen Sebut Harga ini dan sekiranya pegawai penguasa atau wakilnya mendapati sebarang ketidak patuhan terhadap mana-mana syarat atau kehendak kontrak kerja, pegawai penguasa atau wakilnya boleh mengambil sebarang tindakan tatatertib atau apa-apa tindakan yang selaras dengan syarat-syarat sebut harga atau peruntukan undang-undang yang sah tanpa sebarang prejudis.

.....
(tandatangan kontraktor)

.....
(tandatangan saksi)

Nama Penuh :

Nama Penuh :

.....

.....

No. K/P :-.....-.....

No. K/P :-.....-.....

Alamat :

Alamat :

..... poskod

..... poskod

Atas sifat :

.....
(materi atau cop kontraktor)



LAMPIRAN F

SURAT AKUAN PEMBIDA

(SEBUTHARGA BAGI KERJA-KERJA PEMBEKALAN KOMPUTER DAN PENCETAK DI MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM – NO. SEBUTHARGA : MDTM/SH/BTMPR/01/2020)

Saya (Nama Wakil Syarikat) No. KP yang mewakili (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

1. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 1.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender /sebutharga* di atas; atau
- 1.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 1.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa

2. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga* di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat

Catatan: i) * potong mana yang tidak berkenaan